



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MAKLUM BALAS PARLIMEN BERKAITAN PELAKSANAAN UPU TVET

- 1. Permohonan kemasukan ke program TVET** bagi ambilan perdana khusus untuk lepasan SPM dan setaraf disediakan melalui **platform UPUOnline** di bawah kendalian **Kementerian Pendidikan Tinggi**. Permohonan menggunakan **UPUOnline** ini **dibuka hanya untuk satu sesi pengambilan sahaja** dalam setahun dan **diguna pakai oleh institusi TVET awam tertentu** sahaja di bawah kendalian Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
- 2. Dalam usaha menambah baik amalan sedia ada**, **Mesyuarat Majlis TVET Negara** pada **27 Jun 2023** telah berbincang dan bersetuju dengan cadangan pembangunan sistem *single window* baharu iaitu Unit Pengambilan TVET yang akan digunakan untuk permohonan kemasukan ke program TVET. Unit Pengambilan TVET ini sedang dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia sebagai salah satu skop di bawah **Projek Menaiktaraf Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia (MySPIKE)** Ke Arah Pembangunan Data Raya TVET yang telah diluluskan oleh Kementerian Ekonomi.
- 3. Unit Pengambilan TVET (UP_TVET)** ini akan digunakan oleh institusi-institusi TVET merentasi pelbagai Kementerian untuk tujuan permohonan kemasukan ke program TVET jangka panjang dan jangka pendek sepanjang tahun. Sistem ini juga akan mengambil kira kelayakan masuk seperti lepasan Tingkatan 3, lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan lepasan Sijil Kemahiran Malaysia.

4. Sistem UP_TVET mula digunakan pada **31 Oktober 2023 melalui ujian rintis** bagi tujuan pengambilan pelajar **bagi sesi Januari 2024**. Sebagai permulaan, ujian rintis penggunaan sistem ini melibatkan **empat (4) buah institusi TVET** iaitu Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di bawah Kementerian Sumber Manusia, Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di bawah Kementerian Belia dan Sukan, dan GiatMARA serta German-Malaysian Institute (GMI) di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

5. Secara keseluruhan, penggunaan sistem UP_TVET bagi tujuan ujian rintis ini melibatkan tawaran sebanyak **645 kursus** mencakupi pelbagai bidang di peringkat **Sijil hingga Diploma** melalui **268 buah institusi TVET** yang terlibat. Sehingga **8 November 2023**, seramai **2,398 pemohon** telah mendaftarkan profil diri dalam sistem UP_TVET ini dan **1,047 pemohon** telah melengkapkan permohonan bagi tujuan proses pertimbangan dan penawaran. **Ujian rintis ini akan dibuka sehingga 30 November 2023**, dan pihak Kementerian giat menjalankan pelbagai program promosi melalui media sosial dan media elektronik bagi tujuan hebahan kepada pihak berkepentingan.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
9 NOVEMBER 2023**